

**DARI PADANG KE SEREMBAN : SATU KAJIAN KES MENGENAI
SEBUAH KELOMPOK PERANTAU MINANGKABAU DI AMPANGAN
1975-1995**

RAFIDAH ANUM BINTI MALEK

**PROGRAM SEJARAH
PUSAT PENGAJIAN SEJARAH, POLITIK DAN STRATEGI
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI SELANGOR**

2003

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

28/2/03

tarikh

Raf

Rafidah Anum binti Malek
A 74051

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu penulis ingin mengucapkan syukur kehadiran Ilahi kerana dengan taufik dan hidayahNya, penulis telah dapat menyiapkan tesis ini. Selawat dan salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w., keluarga dan para sahabat baginda, serta kepada semua tenaga pengajar yang telah memberi bimbingan tanpa jemu kepada penulis.

Di kesempatan ini penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama dan sumbangan yang tidak ternilai untuk menjayakan tesis ini.

Penghargaan dan jutaan terima kasih penulis ucapkan kepada Professor Madya Dr. Khazin Mohd Thamrin selaku penyelia dan pensyarah di Program Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia yang tidak pernah kenal erti jemu dalam membimbing dan memberi dorongan kepada penulis untuk menyiapkan kajian mengenai kelompok Minangkabau di Seremban.

Ucapan yang sama penulis tujukan kepada kakitangan di Perpustakaan Tun Seri Lanang dan Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu yang banyak memberikan kerjasama kepada penulis dalam mendapatkan bahan-bahan kajian. Tidak lupa juga sekalung ucapan terima kasih kepada beberapa orang responden di Taman Dato' Shahbandar yang telah memberikan kerjasama kepada penulis.

Akhir sekali, penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan buat suami Encik Mohd Yusof bin Hj. Mohd Sharif dan anak-anak Muhammad Danial, Muhammad Diniy serta Najwa Insyirah yang turut sama berkongsi kejayaan ini.

ABSTRAK

Masyarakat Minangkabau merupakan satu masyarakat yang suka merantau sejak dari zaman tradisi lagi. Sifat suka merantau disamping untuk meningkatkan taraf hidup telah menjadi faktor penggerak kepada orang Minangkabau untuk berhijrah ke Tanah Melayu. Ini ditambah lagi beberapa faktor penarik yang terdapat di Tanah Melayu. Sejarah penghijrahan kelompok Minangkabau ini meliputi pemilihan penempatan, aktiviti ekonomi dan budaya serta keazaman mereka dalam meningkatkan taraf hidup dari awal kedatangan hinggalah berjaya memperolehi kehidupan yang jauh lebih baik daripada kampung asal. Pelbagai cabaran telah ditempuhi namun atas prinsip ingin mencari kekayaan dan kesenangan hidup perantau-perantau ini sentiasa berusaha dan akhirnya matlamat kedatangan mereka tercapai.

KANDUNGAN

	Halaman
HALAMAN JUDUL	I
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
SENARAI KANDUNGAN	v
SENARAI GAMBAR	viii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI PETA	x
SENARAI KEPENDEKKAN	xi
SENARAI LAMPIRAN	xii
 BAB I : LATAR BELAKANG MASYARAKAT MINANGKABAU	 1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Matlamat Kajian	7
1.3 Fokus Kajian	9
1.4 Kajian Lepas	10
1.5 Kaedah Kajian	17
1.6 Masalah Kajian	19
 BAB II : FAKTOR-FAKTOR PENGHIJRAHAN	 23
2.1 Pengenalan	23
2.2 Konsep Merantau Dalam Masyarakat Minangkabau	24
2.3 Latar Sejarah dan Budaya Masyarakat Minangkabau	26
2.4 Alam Minangkabau	31

2.5 Kedatangan Kelompok Etnik Indonesia	37
2.6 Kedatangan Orang Minangkabau ke Tanah dan Sejarah Penempatan Mereka	44
2.7 Faktor-faktor Penghijrahan	44
2.7.1 Faktor Penolak	
2.7.2 Faktor Penarik	48
BAB III : PROSES KEDATANGAN DAN PENEMPATAN	52
3.1 Pengenalan	52
3.2 Sejarah Kedatangan Kelompok Minangkabau	55
3.3 Aktiviti Ekonomi	56
3.4 Proses Penempatan Baru	60
3.5 Kegiatan Ekonomi	61
3.6 Aktiviti Sosial	71
BAB IV : KEJAYAAN SEMASA DI RANTAU	74
4.1 Pengenalan	75
4.2 Kejayaan Kelompok Minangkabau	
4.2.1 Encik Masdor bin Sabil	75
4.2.2 Encik Hadri bin Suboh	83
4.2.3 Encik Rosman bin Idil	87
4.3 Hubungan Dengan Masyarakat Tempatan	91
4.4 Pendidikan	93
4.5 Aktiviti Perniagaan di Sekitar Ampangan	94
KESIMPULAN	99
RUJUKAN	102
LAMPIRAN	103

SENARAI GAMBAR

No. Gambar		Halaman
3.1	Pemandangan masuk ke Taman Dato Shahbandar	54
3.2	Perniagaan ubat-ubatan di Pasar Malam Ampangan	58
3.3	Antara barang permainan yang dijual oleh Encik Suhaidi	62
3.4	Songkok dan ketayap buatan Encik Suhaidi di Bangunan Arked Mara, Seremban	65
4.1	Encik Masdor dengan perniagaan buah tembikai dan buah-buah lain	76
4.2	Sebuah rumah yang dibeli oleh Encik Masdor	80
4.3	Peniaga Minangkabau yang lain membanjiri kawasan Ampangan	81
4.4	Salah sebuah lori yang dimiliki oleh Encik Masdor	83
4.5	Encik Hadri disamping gerai buah-buahan dan alat tulis di Ampangan	85
4.6	Encik Rosman sedang sibuk berniaga di gerai buah-buahan di Ampangan	89
4.7	Suasana di Ampangan pada malam hari	94
4.8	Kelihatan peniaga lain yang menjual buah-buahan di Ampangan	95

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
3.1		55
3.2	Pendapatan Encik Suhaidi Sekeluarga tahun 1990-1995	65
3.3	Jumlah Anak Yang diSurvei Dalam Keluarga Minangkabau Semasa di Rantau	70
4.1	Pendapatan Encik Masdor 1990-1995	82
4.2	Pendapatan Encik Hadri 1990-1995	86
4.3	Pendapatan Encik Rosman 1990-1995	90
4.4	Harga Buah-buahan Yang Dijual di Ampangan dalam kg Mengikut Harga Semasa	96
4.5	Harga Barang-barang Permainan	96

SENARAI PETA

No. Peta	Halaman
1.1 Sumatera Barat	3
2.1 Sumatera dan Semenanjung Tanah Melayu	28
2.2 Darek dan Rantau di Sumatera barat	30
3.1 Ampangan	53

SENARAI KEPENDEKKAN

B	-	Bin
Bt	-	Binti
En	-	Encik
Hj	-	Haji
Hjh	-	Hajah
Hlm	-	halaman
Pn	-	puan
Tmn	-	Taman

SENARAI LAMPIRAN

No. Tajuk	Halaman
1. Soalan untuk Responden	106
2. En. Suhaidi b. Yuhanis	107
2. Linda bt. Bahrin	107
3. Masdor b. Sabil	108
4. Hadri b. Suboh	109
5. Rosman b. Idil	110
6. Hj. Shamsudin b. Hj. Kassim (tiada gambar)	111
6. Hjh. Jamilah bt. Hj. Mohd Sharif (tiada gambar)	111
6. Emmy Suhana bt. Yuhanis (tiada gambar)	111
6. Roslan b. Ibrahim (tiada gambar)	111
6. Hj. Kamaruddin (Pak Din) (tiada gambar)	111
6. Norzila bt. Malek (tiada gambar)	112

BAB II

FAKTOR-FAKTOR PENGHIJRAHAN

2.1 PENGENALAN

Pergi merantau sudah menjadi sifat semulajadi orang Minangkabau. Mereka merantau ke pelosok negeri sepanjang masa dengan tidak berhenti-henti.²⁷ Mereka biasanya terdiri daripada orang muda yang berani hingga berjaya mencapai satu peringkat hidup yang memuaskan hati mereka.

Istilah merantau sememangnya begitu sinonim di dalam masyarakat Minangkabau. Ini kerana merantau adalah salah satu cara untuk mengubah keadaan hidup seseorang. Mereka sering beranggapan orang yang pergi merantau boleh memajukan diri, mengubah sikap, cara hidup, dan cara berfikir. Perantau yang sering merantau akan disanjung dan dihormati oleh masyarakat setempat. Persoalan inilah akan dibincangkan oleh penulis dalam bahagian ini khususnya mengenai konsep merantau dan faktor-faktor yang menggalakkan orang Minangkabau menjadi perantau khususnya di kawasan Seremban.

²⁷ Bandar Jakarta mempunyai penduduknya lebih kurang 5 juta orang dan mempunyai rakyat yang berasal dari Minangkabau lebih kurang 2 juta orang. Ini membuktikan bahawa Kota Jakarta telah kehilangan lebih kurang 25 peratus penduduk lelaki akibat dari proses merantau.

Hanya segelintir sahaja bilangan mereka yang pulang ke kampung asal. Bilangan yang besar menetap di perantauan. Mereka dipanggil "Merantau Cina". Sungguhpun demikian, semasa berada dirantau saudara mara dan kampung halaman tidak pernah luput dari ingatan. Ini dapat dibuktikan dalam nyanyian mereka;

Bila hari sudah senja
Dagang berurai air mata
Awan berarak di tapis
Den takana jo kampung

2.2 KONSEP MERANTAU DI DALAM MASYARAKAT MINANGKABAU

Menurut Mochtar Naim istilah merantau adalah sebagai migrasi. Perkataan merantau adalah dalam istilah Melayu dan Indonesia yang berasal dari perkataan 'rantau'. Rantau pula bermaksud dataran rendah atau daerah aliran sungai yang biasanya terletak hampir atau bahagian yang jauh dari pesisir pantai.

Merantau adalah kata kerja yang berawalan 'me-' yang beerti 'pergi ke rantau'. Dari segi sosiologi pula, istilah merantau mengandungi enam unsur iaitu:

1. meninggalkan kampung halaman
2. dengan kemahuan sendiri
3. untuk jangka waktu lama atau tidak
4. dengan tujuan mencari penghidupan, menuntut ilmu atau mencari pengalaman
5. biasanya dengan maksud kembali pulang

6. merantau ialah lembaga sosial membudaya.²⁸

Menurut Donald Tugby dalam kajiannya keatas masyarakat Mandailing di Tanah Melayu beliau telah menggunakan istilah 'immigration' atau imigresen dalam bahasa Melayu. Istilah imigresen bermaksud pejabat yang menguruskan hal kemasukan orang asing. Tetapi jika dilihat dari kata dasar 'immigration' ialah 'migration' atau migrasi yang bermaksud perpindahan penduduk dari sebuah negara atau satu tempat ke negara atau tempat yang lain. Ini menunjukkan adanya konsep merantau dalam kajian beliau.²⁹

Dikalangan masyarakat Aceh pula, istilah merantau dikenali sebagai 'meudagang' yang bermaksud merantau dan berdagan. Menurut Snouck Hurgronje, perkataan meudagang bermaksud "untuk menjadi seorang asing, unuk mengembara dari satu tempat ke satu tempat".³⁰

Tsuyoshi Kato pula berpendapat, orang lelaki Minangkabau pergi merantau adalah untuk meningkatkan harga diri dan membebaskan diri daripada adat. Menurut beliau lagi dengan merantau orang Minangkabau dapat meninggalkan kampung halaman mereka dan dapat menemui budaya lain yang dikatakan berbeza dengan adat Minangkabau yang tidak menyebelahi kaum lelaki.³¹

²⁸ Mochtar Naim, *Merantau : Pola Migrasi suku Minangkabau*, Gadjah Mada University Press, Yogyakarta, 1979, hlm. 2-3.

²⁹ Donald Tugby, *Cultural Changes and Identity: Mandailing immigrants in West Malaysia*, University of Queensland, Queensland, 1977, hlm. 17.

³⁰ Rozeman bin Abu Hassan, *Masyarakat suku snak Aceh di Kuala Pilah*, Projek Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1997, hlm. 31.

³¹ Tsuyoshi Kato, (terj.), *Nasab Ibu dan Merantau*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm. 155.

Khazin bin Mohd Thamrin pula berpendapat bahawa tradisi merantau, mengembara dan berdagang seperti sudah menjadi satu tradisi dalam masyarakat Melayu. Tradisi merantau dikatakan berlaku dengan berbagai-bagai tujuan terutamanya sebelum kedatangan penjajah Barat hinggalah ke hari ini. Tambah beliau lagi, pada zaman sebelum penjajahan, perantau bebas memasuki mana-mana daerah atau negeri yang mereka sukai.³² Orang Jawa juga mempunyai istilah 'minggat' dan 'boyongan' yang kesemuanya merujuk kepada maksud lari, berhijrah dan mencari penghidupan baru di tempat orang.³³

2.3 LATAR SEJARAH DAN BUDAYA MASYARAKAT MINANGKABAU

Menurut Van der Tuck, nama Minangkabau itu berasal daripada perkataan Sanskrit iaitu 'Pinang Kalbu' yang bermaksud 'rumah asal'³⁴. Ini adalah kerana Negeri Minangkabau merupakan salah sebuah daripada kawasan yang paling awal sekali menerima kedatangan pengaruh Hindu di Kepulauan Melayu. Ada andaian mengatakan Negeri Minangkabau merupakan negeri yang tertua sekali di rantau Melayu.³⁵

³² Azali bin Haji Kader, *Sejarah Penghijrahan dan Penempatan orang Bangkahulu di Sungai Selisik, Hulu Selangor*, Projek Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002, hlm. 21.

³³ Khazin Mohd Tamrin, *Orang Jawa di Selangor, Penghijrahan dan Penempatan 1880-1940*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm. 3.

³⁴ Bacthiar Mansoer, *Minangkabau Dahulu dan Sekarang*, Balai Pustaka, Jakarta, 1958, hlm. 6.

³⁵ Edwin M. Loeb, *Sumatra: It's History and People*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, hlm.

Terdapat lebih kurang setengah juta orang Minangkabau yang telah berhijrah ke Melaka dan negeri-negeri lain di kepulauan Asia Tenggara sejak dari zaman pengaruh Hindu sedang bertapak awal di Sumatera. Orang-orang inilah yang kemudiannya telah dikenali sebagai 'Melayu Dento' dan kebanyakan mereka telahpun meninggalkan corak hidup seperti yang diamalkan di Minangkabau. Bahasa pertuturan orang-orang tersebut juga dikatakan berbeza dari pertuturan orang-orang Minangkabau sekarang.

Pada abad ke 14 dan 15 wilayah Minangkabau telah meliputi keseluruhan kawasan Sumatera Tengah. Wilayah ini terbahagi pula kepada tiga bahagian iaitu luhak, rantau dan pesisiran.³⁶ Ketiga-tiga bahagian ini dibahagikan pula kepada daerah-daerah kecil. Contohnya dalam daerah luhak terdiri daripada Luhak Tanah Datar, Luhak Agam dan Luhak Lima Puluh Kota. Ketiga-tiga luhak kecil ini merupakan daerah Minangkabau Asli dimana tempat bersemayamnya raja-raja Minangkabau.³⁷

Daerah rantau pula mengandungi tiga buah daerah kecil iaitu Rantau Kampar, Rantau Inderagiri dan Rantau Batang Hari.³⁸ Sementara itu daerah persisiran pula terbahagi kepada lapan buah daerah kecil yang terdiri daripada Padang, Pariaman, Inderapura, Jambi, Inderagiri, Siak, Painan dan Bengkulu.³⁹


³⁶ Ibid., hlm. 98.

³⁷ Ibid., hlm. 98.

³⁸ Ibid.

³⁹ Ibid.

Peta 2.1 : Sumatera dan Semenanjung Tanah Melayu



Sumber : Tyuyoshi Kato, Nasab Ibu dan Merantau.

Apa yang menarik disini ialah sungguhpun raja Minangkabau menguasai daerah-daerah persekitarannya, hubungan diantara daerah-daerah tersebut dengan daerah Minangkabau Asli (luhak) adalah longgar sekali. Hubungan yang hambar ini akhirnya membawa kepada perpecahan dikalangan daerah-daerah tersebut dengan daerah Minangkabau asli.⁴⁰

Apabila orang-orang Belanda sampai di Sumatera pada abad ke 17, daerah-daerah di negeri Minangkabau telah mula membebaskan diri dari naungan kerajaan pusat. Ini kerana kemangkatan Raja Alip pada tahun 1680 dimana tidak meninggalkan waris sebagai pengganti kerajaannya.⁴¹

Kesempatan ini telah diambil oleh wakil-wakil kerajaan di daerah persekitaran dan cuba memerdekakan daerah masing-masing. Pada tahun 1697, Abdullah Jabar yang merupakan wakil Kerajaan Palembang, mengaku dirinya raja bagi seluruh daerah Minangkabau.⁴²

Pada masa sekarang daerah-daerah yang tergolong di dalam negeri Minangkabau menjadi semakin kecil dan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu daerah pesisir dan darat.⁴³ Daerah persisir merupakan sebuah kawasan dataran rendah dan terdapat tiga buah daerah kecil iaitu Tikus Pariaman di bahagian utara, Padang yang terletak dibahagian tengah dan Inderapura di bahagian selatan.

⁴⁰ Ibid., hlm. 99.


⁴¹ Ibid.

⁴² Bacthiar Mansoer, *Minangkabau Dahulu dan Sekarang...* hlm. 7.

⁴³ Mohd Dahlan Mansoer dll, *Sejarah Minangkabau*, Penerbitan Bhratara, Djakarta, 1970, hlm. 3.

Darat pula adalah satu kawasan dataran tinggi yang terletak di tengah-tengah Banjaran Barisan dimana ianya mencakupi tiga buah lembahan gunung iaitu Lembahan Gunung Singgalang-Tandikat, Lembahan Gunung Merapi dan Lembahan Gunung Sago.⁴⁴

Peta 2.2 : Darek dan Rantau di Sumatera Barat



Sumber: Tsuyoshi Kato Nasab Ibu dan Merantau

⁴⁴ Edwin M. Loeb, *Sumatra; It's History and People...* hlm.99.

2.4 Alam Minangkabau

Secara tradisinya kawasan-kawasan yang terletak di bawah pengaruh Minangkabau di panggil Alam Minangkabau. Alam Minangkabau ini terbahagi kepada Luhak nan Tigo (tiga daerah) atau Luhak sahaja dan Rantau. Luhak nan tigo terdiri daripada tiga kawasan tengah di Sumatera Barat iaitu Luhak Tanah Datar, Luhak Agam dan Luhak Lima Puluh Kota.⁴⁵

Di luar kawasan yang menjadi pusat tanah Minangkabau ialah perkampungan sempadan yang dibentuk kemudiannya oleh orang-orang sempadan dunia luar melalui inilah idea-idea dan amalan baru diperkenalkan kepada Alam.⁴⁶

Ramai yang berpendapat bahawa raja-raja Minangkabau tidak mempunyai kewibawaan yang teguh terhadap kawasan pedalaman. Raja-raja tidak dihormati langsung. Baginda juga tidak mampu untuk memungut cukai dari kampung-kampung di pedalaman.⁴⁷ Fungsi utama raja berkait dengan darek ialah untuk bertindak sebagai pengadil dalam kes-kes pertelingkahan dan berperangan diantara kampung-kampung.⁴⁸

⁴⁵ Luhak sama ertinya dengan darek. Istilah luhak dan darek merupakan sempadan bagi daerah pentadbiran iaitu daerah Tanah Datar, Agam dan Lima Puluh Kota.

⁴⁶ Abdullah Taufik, *Adat and Islam. An Examination of Conflict in Minangkabau*, Indonesia, 1972, hlm. 187.

⁴⁷ Datuk Batuah, *Tambo Minangkabau dan Adatnya*, Balai Pustaka, Djakarta, 1956, hlm. 85.

⁴⁸ Josselin de Jong, *Minangkabau and Negeri Sembilan: Social Political Structure In Indonesia*, Martinus Nijhoff, The Hague 1952, hlm. 107.

Raja Minangkabau mempunyai hubungan istimewa dengan raja-raja bertaraf rendah yang diletakkan di pelabuhan-pelabuhan yang menjadi pintu masuk ke Alam Minangkabau. Raja-raja yang bertaraf rendah biasanya adalah ahli keluarga diraja yang dihantar oleh istana Pagarruyung , atau orang besar tempatan yang dilantik oleh raja.

Hubungan orang Minangkabau dengan Tanah Semenanjung dikatakan berlangsung sejak abad ke 13 dan semakin berkembang pada abad ke 16. Walau bagaimanapun campurtangan kuasa Minangkabau yang terserlah ialah apabila membantu Raja Kecil Siak menyerang dan menakluk Johor pada tahun 1718-1722, lalu memperisterikan Tengku Kamariah adinda Sultan Sulaiman.⁴⁹

Alex Hamilton yang mengunjungi Melaka-Johor sekitar tahun 1700 an menyebut tentang kegiatan orang Hulu (di Hulu) keturunan Minangkabau bersama menyerang orang-orang Belanda di Melaka.⁵⁰ Nama Negeri Sembilan tidak disebut oleh Johan Neiuhoff 1988 yang melakukan perjalanan ke Asia pada tahun 1653-1670.

Sebaliknya beliau menyebut tentang kehebatan kekuasaan dan pahlawan Johor Kerajaan Melayu Johor-Riau yang menyerang Melaka dengan 60 000 orang bala tentera pada tahun 1606. Ini bererti Negeri Sembilan hari ini merupakan sebahagian dari wilayah Kerajaan Melayu Johor-Riau yang diwarisi kekuasaan Kerajaan Melayu Melaka.

⁴⁹ Buyung Adil, *Sejarah Negeri Sembilan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1982, hlm. 25.

⁵⁰ Rasyid Manggis Dt Radjo Panghoeloe, *Negeri Hubungan Dengan Minangkabau*, al Maktab Al Sakdiah, Padang Panjang, 1970. hlm. 69.

Kedatangan orang Minangkabau dibuktikan dengan penemuan artifak seperti batu bersurat di Sungai Udang, Linggi; di Pengkalan Kempas (batu kemudi dan batu sudu). Beberapa inkripsi yang dilakar pada permukaan batu membuktikan telah terjadinya perhubungan budaya. Mengikut Andaya kedatangan orang-orang Minangkabau bermula sejak akhir abad ke 13 tetapi semakin meluas menjelang abad ke 16. Mereka mendiami kawasan Naning, Sungai Ujong dan Rembau.

Their Leaders requested and received a representative from their spiritual Minangkabau overload at Pagarruyung in the Mountains of Central Sumatra to rule the three settlement as an entity.⁵¹

Kedatangan atau penghijrahan orang-orang Minangkabau dipercayai masuk melalui beberapa buah sungai seperti Sungai Udang, membuka luak-luak di Rembau Sungai Ujung, Muar menuju Melaka tiba di Naning dan seterusnya menetap di Kuala Pilah. Yang tiba di Kelang (Kolang) menetap di Baranang, Kajang dan Gombak. Walau bagaimanapun, hanya yang menetap di Negeri Sembilan sahaja meneruskan tradisi sistem suku sebagai kesinambungan budaya adat Perpatih.

Istilah 'Negeri Sembilan' pula diragukan tentang keluasan wilayahnya sehingga wujud persekutuan negeri-negeri Melayu pada tahun 1773 yang terdiri daripada Sungai Ujung, Jelebu, Johol, Rembau, Jelas/Inas, Kelang, Naning Segamat, Pasir Besar dan Ulu Pahang.

⁵¹ Andaya, Barbara dan Leonard, Y, *A history of Malaysia*, The Macmillan Press, London, 1982, hlm.71.

Pada tahun 1789 apabila Belanda mengambil Naning, Bugis mengambil Selangor dan Segamat di bawah Penghulu Jempol diambil Johor dan Ulu Pahang di bawah penguasaan Penghulu Kenaboi Pahang. Sehingga tahun 1895, Negeri Sembilan terdiri daripada Sungai Ujung, Jekebu, Johol/ Inas, Tampin, Ulu Muar, Jempol, Teraci dan Bunung Pasir.⁵²

Perkara utama yang harus disedari tentang budaya Negeri Sembilan ialah adanya beberapa unsur sehingga membentuk ciri khas Negeri Sembilan terutama dari kesinambungan unsur budaya. Kerajaan Melayu Melaka yang telah lama bertapak, bertembung dengan cara hidup masyarakat yang masih kukuh mengekalkan adat resam. Adanya penduduk awal iaitu orang Asli yang bercampur atau berkahwin (bersemenda) dengan orang-orang besar Melaka mewujudkan sistem gelar 'Waris Negeri' (Biduanda Waris) dikalangan pembesar Negeri Sembilan. Persemendaan Melayu Minangkabau dengan Biduanda Waris (Jakun Di Jekebu) merupakan detik awal.

'orang Minangkabau mula mempengaruhi cara hidup orang Biduanda Waris (Jakun) di Jekebu'⁵³

⁵² Tan Ding, *Sejarah Malaysia dan Singapura*, Petaling Jaya, Selangor, 1975, hlm. 109.

⁵³ Buyung Adil, *Sejarah Negeri Sembilan*, ...hlm.12.

Keadaan politik dan perubahan kepimpinan di Negeri Sembilan iaitu dalam peristiwa perlantikan 'Penghulu Berempat' memilih bakal raja dari Pagaruyung, merupakan peristiwa yang tersendiri. Sehingga dalam pemilihan ketua adat telah wujud penyatuan unsur pakaian cara Melayu yang memperlihatkan ciri Negeri Sembilan. Walaupun Barbara dan Andaya menyatakan;

.... The Minangkabau settlements of the Malay Penisular retained strong cultural links with their homeland in Sumatera,⁵⁴

Ini terlihat dalam sistem suku⁵⁵ 'Tanah Datar' (dari Luhak Tanah Datar), 'Batu Belang' (dari Nagari Batubalang), Mungka, Tiga Batu, Seri Melenggang, Seri Lemak (Sari Lamak). Di Negeri Sembilan terdapat suku yang mengambil nama suku dari tempat asal mereka. Perkara ini dapat dijawab, bahawa kumpulan yang datang berasal dari wilayah darat iaitu daerah asal orang Minangkabau di *Luhak nan Tiga*; Pagaruyung, tanah Datar, Lima Puluh Kota; Payakumbuh; dan Agam, Bukit Tinggi.

⁵⁴ Andaya, Barbara dan Loenard, Y., *A History of Malaysia*, The Macmillan Press, London, 1982, hlm. 95.

⁵⁵ Sistem suku merupakan kelangsungan daripada Adat Perpatih yang berkembang di Negeri Sembilan. Nama suku diangkat daripada nama tempat asal mereka (nama suku ini tidak sama dengan suku asal di Minangkabau). Keturunan suku inilah yang menjawat 'waris menyalin' atau 'pusaka gelar' yang mewujudkan 'Dato'-Dato' Undang Luak Yang Empat' (Sungai Ujung, Jelebu, Rembau dan Johol) yang mewarisi 'Pusaka Undang'. Daripada fakta sejarah sehingga abad ke 16, Penghulu Undang menerima anugerah cap mohor dari kerajaan Melayu Johor-Riau, Undang Yang Empat telah merujuk ke Pagaruyung untuk mendapatkan ketua dari raja yang tiada bernegeri. Peristiwa yang merujuk ke Pagaruyung dihentikan pada tahun 1824, apabila keturunan raja telah cukup besar dan berkembang.

Pendatang-pendatang dari daerah (darat) asal ini membuka 'rantau' baru sama ada di pesisir Sumatera Barat ataupun ke Semenanjung Tanah Melayu. Di daerah baru ini mereka cuba meneruskan tradisi khususnya dalam sistem kemasyarakatan atau kekerabatan. Di Minangkabau wujud dua laras (suku) utama iaitu *Bodi Caniago* yang diwakili oleh Datuk Perpatih, dan laras *Kota Piliang* diwakili oleh Datuk Ketemenggungan.⁵⁶

Datuk Perpatih dikatakan pimpinan bersifat demokratis dan Datuk Ketemenggungan menjurus kepada agama iaitu bersifat autokratis. Bak kata pepatah;

... Kota Piling jatuh ke agama, siapa membunuh-siapa dibunuh, Bodi Caniago jatuh ke adat, hilang dicari, lapuk diganti'.

Josslein de Jong (1986) menyatakan;

'budaya dan adat Minangkabau menggabungkan konsep matrilineal dalam sosio-politik yang merangkumi adat istiadat dan patrilineal dalam hal keagamaan.

⁵⁶ Mengikut Zainal Keling, walaupun kedua-dua adat ini (Temenggung dan Perpatih) berasal dari Minangkabau (dua beradik daripada ibu yang sama) tetapi di Semenanjung Perpatih berkembang di Negeri Sembilan kecuali di kawasan pantai dan Naning manakala Temenggung di luar wilayah ini. Daripada sumber asal Adat Perpatih mula berkembang di pedalaman (darat) dan Adat Temenggung mempunyai alam sekitar di pesisir pantai.

Dua laras ini berkembang di Semenanjung iaitu dengan sistem Temenggung dari jalur keturunan beraja dan Adat perpatih yang menghormati 'Penghulu Adat' mempunyai kuasa dalam perlantikan raja.

2.5 Kedatangan Kelompok Etnik Indonesia

Menjelang tahun 1947, seramai 309 000 orang-orang Indonesia telah berhijrah ke Tanah Melayu. Pola-pola petempatan mereka memperlihatkan bahawa sebahagian besar daripada mereka memilih kawasan-kawasan kediaman yang terdapat ramai orang Melayu seperti di negeri kedah, Kelantan, dan Trengganu. Mereka telah memberikan sumbangan yang besar dalam bidang penanaman padi seperti di Krian, Perak.⁵⁷

⁵⁷ Mohd Aris Hj. Othman, *Kedatangan Kelompok-kelompok Etnik Indonesia ke Tanah Melayu dan Penyesuaian Mereka ke dalam Masyarakat dan Budaya Melayu*, Sari,Julai : 1984, hlm. 85.

Jadual 2.1

Kedatangan orang Sumatera ke Tanah Melayu 1931-1947

	tahun	
Negeri	1931	1947
Singapura	390	644
Pulau Pinang	175	289
Melaka	126	243
Perak	14 681	6 866
Selangor	14 551	10 094
Negeri Sembilan	2 485	2 668
Pahang	1 746	1 627
Johor	2 975	1 710
Kedah	2 482	1 823
Kelantan	145	114
Trengganu	149	147
Perlis	20	58
Jumlah	40 100	26 303

Sumber: Mochtar Naim, Pola Migrasi Suku Minangkabau.

Orang-orang Minangkabau merupakan 40 peratus daripada keseluruhan orang-orang Sumatera. Namun begitu mereka lebih tertarik untuk bekerja di lombong-lombong bijih seperti di negeri Selangor. Mereka juga membijih secara kecil-kecilan dimana proses ini dilakukan secara tradisonal. Seterusnya mereka membuka perkampungan di negeri Selangor.

Kedatangan kelompok etnik Indonesia ke Tanah Melayu telah meninggalkan beberapa kesan penting terutama dalam sistem politik dan sosial Melayu. Kesan ini begitu dirasakan misalnya di Negeri Sembilan dan ini telah membezakan negeri ini dalam sistem sosial dan politiknya berbanding dengan negeri-negeri lain di Tanah Melayu. Penggunaan sistem adat perpatih memperlihatkan keadaan kita kesan yang ditinggalkan oleh pengaruh-pengaruh Minangkabau di negeri ini.⁵⁸

Orang-orang Minangkabau juga mempunyai perasaan ingin bebas dan tidak mahu dikongkong oleh pihak berkuasa adalah diantara sifat-sifat semulajadi mereka.⁵⁹

Apabila mereka berhijrah ke Negeri Sembilan mereka membawa bersama corak kerajaan yang mempunyai unsur-unsur demokrasi dimana contohnya Yang DiPertuan besar dipilih oleh lembaga Undang. Sistem politik seperti ini berlainan daripada struktur politik di negeri-negeri Melayu yang lain iaitu ia lebih mirip kepada sistem autokrasi dan kuasa yang berpusat.

⁵⁸ Mohd Aris Hj. Othman, *Kedatangan Kelompok-kelompok Etnik Indonesia...* hlm. 86.

⁵⁹ Dalam sejarah migrasi orang-orang Indonesia ke Tanah Melayu, satu perkara menarik mengenai orang-orang Minangkabau ialah mereka tidak berminat untuk diambil bekerja melalui saluran-saluran rasmi seperti pengambilan orang-orang Jawa dan lain-lain kelompok etnik Indonesia secara beramai-ramai untuk bekerja di ladang-ladang getah. Tidaklah jelas mengapa perkara demikian berlaku tetapi beberapa responden Minangkabau yang ditemui di Ampangan menekankan bahawa orang-orang Minangkabau dari Solok Padang mengatakan bahawa keluarga mereka telah menjalankan perniagaan kedai makan di Telok Kuantan Indonesia pada tahun 1925 sebelum berhijrah ke Kampung Baru. Mereka telah berniaga sejak kecil lagi. Berniaga di Ampangan sejak 10 tahun lalu.

Jadi dari kacamata orang-orang Negeri Sembilan, taraf Yang Di Pertuan Besar tidaklah sama dengan taraf Sultan-Sultan di negeri-negeri Melayu yang lain. Dari segi adat, kuasa Yang DiPertuan Besar tidaklah mutlak. Adat perpatih yang diterima daripada pengaruh Minangkabau bukan sahaja telah menimbulkan kesan kepada bentuk kerajaan tetapi juga dalam sistem sosial. Pengaruh adat ini begitu kuat dalam sistem sosia di Negeri Sembilan sehingga dikatakan adat ini 'tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.'

Semangat nasionalisme oran-orang Minangkabau bermula dengan merosotnya pengaruh orang-orang Bugis.⁶⁰ Orang-orang Bugis bukan sahaja pernah berkuasa di kawasan Rembau, Negeri Sembilan tetapi juga di beberapa negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu. Pada abad ke 19 juga memperlihatkan kuasa orang-orang Bugis ke atas orang-orang Minangkabau.

Menjelang tahun 1745, orang-orang Bugis telah berkuasa di negeri Selangor, Tampin dan Jelebu di Negeri Sembilan. Di Sungai Ujong, Negeri Sembilan, orang besar jajahan adalah merupakan orang Bugis yang bergelar Klana Putra. Tetapi setelah orang-orang Bugis dikalahkan oleh Belanda, ini merupakan jalan terbuka bagi orang-orang Minangkabau mengambil alih kuasa di Negeri Sembilan.⁶¹

Justeru itu pada tahun 1773 empat orang pembesar Minangkabau telah melantik Raja Melewar sebagai Yang DiPertuan Besar yang pertama.⁶² Menjelang abad ke 18, kerajaan Negeri Sembilan yang berteraskan adat perpatih telah ditubuhkan.

⁶⁰ Norhalim Hj. Ibrahim, *Negeri yang Sembilan*, ... hlm. 143.

⁶¹ Mohd Aris Hj. Othman, *Kedatangan Kelompok-kelompok Etnik Indonesia...* hlm.89.

⁶² Moorhead F.J., *A History of Malaya*, Vol. II Malaya, Longmens of Malaya, Malaya, 1963, hlm.

Organisasi masyarakat dan budaya yang berteraskan adat perpatih seperti yang terdapat di Negeri Sembilan ini tidak terdapat di lain-lain negeri di Tanah Melayu. Konsep “berada dalam adat perpatih” yang kuat dipegang oleh orang-orang Minangkabau ini seolah-olah memisahkan mereka daripada orang-orang Melayu dari negeri-negeri yang lain.

Disebabkan persamaan budaya dan agama tidaklah menghairankan bahawa kawasan-kawasan kediaman yang dipilih oleh kelompok etnik Indonesia yang berhijrah ke Tanah Melayu atau di dalam kawasan kediaman orang Melayu itu sendiri. Walau bagaimanapun sekiranya mereka ada pilihan, mereka akan berkelompok sesama kelompok etnik mereka sendiri seperti di Hulu Langat Selangor.⁶³

Orang-orang Minangkabau pula secara keseluruhan lebih bertumpu dalam bidang perniagaan dan menduduki kawasan di sekitar Pasar Minggu. Seorang Minangkabau yang berniaga songkok pula menyatakan bahawa dia telah memulakan perniagaannya dengan modal yang kecil di Sumatera pada tahun 1929. Orang-orang Minangkabau suka bebas bekerja sendiri tanpa terikat dengan mana-mana pihak.

⁶³ Satu kajian di kawasan Hulu Langat menunjukkan bahawa orang yang mula-mula menduduki kawasan ini ialah Minangkabau dan Mandailing. Kemudian datang kelompok-kelompok lain seperti Korinchi, Jawa dan kelompok etnik dari Palembang. Orang-orang Korinchi di tempatkan di kawasan Sg. Gahal dan Sg. Lui. Orang-orang Palembang di tempatkan di Kuala Perdek, manakala orang-orang Jawa ditempatkan di Kampung Jawa. Jadi terdapat juga pemisahan dikalangan kelompok-kelompok etnik Indonesia ini dari segi tempat kediaman. Kajian ini juga menunjukkan bahawa pemilihan tempat kediaman orang-orang Korinchi yang mula-mula muncul di Kuala Ponson pada tahun 1922 telah bertambah dari 12 keluarga menjadi 34 keluarga pada tahun 1962. dikalangan kelompok etnik itu sendiri terdapat juga pengelompokan berdasarkan kepada daerah dari tempat asal mereka. Misalnya orang-orang Minangkabau dari Batang kapas di Sumatera Barat mendiami kawasan Bukit Raya manakala orang-orang Minangkabau dari Lubok Kapin di Bukit Tinggi pula mendiami kawasan Lubok Kelubi (Lihat T. Shamsul 1964).

2.6 Kedatangan Orang Minangkabau ke Tanah Melayu dan Sejarah Penempatan Mereka

Kedatangan kelompok Minangkabau di Seremban pada peringkat awalnya adalah tidak secara terus dari Wilayah Bukit Tinggi ataupun Padang di Sumatera. Ini adalah kerana kedatangan kelompok Minangkabau melalui beberapa buah tempat di Tanah Melayu seperti Kuala Lumpur, Negeri Sembilan dan Melaka dimana mereka telah berhijrah dan menetap di Seremban.

Oleh itu apabila dibincangkan mengenai faktor-faktor yang mendorong kelompok Minangkabau ke Tanah Melayu ianya secara langsung akan berkait pula dengan penghijrahan mereka ke bandar Seremban.

Sebahagian besar penduduk di Tanah Melayu adalah terdiri daripada golongan imigran seperti dari benua India, China dan Indonesia. Pada tahun 1934, satu kenyataan telah dikeluarkan bahawa orang-orang Melayu di Tanah Melayu terdiri daripada golongan pendatang, cuma mereka tiba lebih awal datang dari lain-lain kaum.⁶⁴

Justeru itu 60 peratus orang-orang Melayu tinggal di Tanah Melayu selama 40 tahun. Mereka juga mempunyai kuasa dalam bidang politik. Lebih kurang 50 peratus daripada orang-orang Melayu terdiri daripada golongan pendatang ataupun mereka yang berketurunan dan dari Indonesia.⁶⁵

⁶⁴ Tunku Shamsul Bahrin, *The Indonesians In Malaya*, ... hlm. 267.

⁶⁵ Ibid., hlm. 268.

Orang-orang Sumatera merupakan golongan yang awal sekali sampai ke Tanah Melayu. Mengikut banci yang dijalankan oleh kerajaan British pada tahun 1947, seramai 26 300 orang Sumatera menetap di Tanah Melayu dan 45 peratus daripada mereka adalah orang Minangkabau.⁶⁶

Jadual 2.2 :Jumlah Penghijrahan Penduduk-Penduduk Indonesia ke Tempat Lain Pada Tahun 1930

Suku Kaum	Jumlah Penghijrahan
Minangkabau	1 928.322
Batak	919.462
Banjar	944.235
Bugis	1 534.035
Menado	281.599
Ambon	232.573
Bawean	45.711
Bangkahulu	48.301
Mandar	189.186
Jawa	27 808.623
Sunda	8 594.834
Madura	4 305.862
Bali	1 111.659
Sasak	659.477
Timor	1 628.864
Makasar	642.720
Torajo	557.590
Dayak	651.391
Melayu Pesisir	953.397
Aceh	831.321
Jambi	138.573
Palembang	770.917
Lampung	181.710
Nias	202.400

Sumber : Mochtar Naim, Pola Migrasi Suku Minangkabau

⁶⁶ Del Tuto Malaya : *A Report on the 1947 Consus of Population*, The Government Printer, London, 1949, hlm. 18.

David R. Hughes berpendapat sejak abad ke 15, Melaka yang terkenal sebagai bandar pelabuhan menerima kedatangan orang-orang Minangkabau dari Sumatera dan menjalan perniagaan disini⁶⁷ dan seterusnya membuka petempatan di Negeri Sembilan.

Pada tahun 1897, Residen Negeri Sembilan telah membuat laporan tentang kedatangan imigran dari Sumatera ke negeri ini. Menurut laporan beliau, kawasan Lenggeng telah diduduki oleh orang Minangkabau lebih kurang 30 tahun.⁶⁸ Ini menunjukkan bahawa imigran Sumatera telah berhijrah ke Negeri Sembilan sekitar tahun 1860 an. Mereka juga dikatakan telah merantau ke Selangor, Kedah, Johor dan Perak.

2.7 Faktor-faktor Kedatangan

2.7.1 Faktor Menolak

Masyarakat Minangkabau merupakan golongan yang kuat merantau dan telah menjadi darah daging mereka.⁶⁹ Menurut Mochtar Naim merantau bermakna meninggalkan wilayah asal yang terletak di luar daerah asal Minangkabau seperti Tanah Datar, Agam, dan Lima Puluh Kota.

⁶⁷ David R. Hughes, *The People of Malaya*, Eastern Universities Press Ltd., Singapore, 1965, hlm. 24.

⁶⁸ Tunku Shamsul, *The Indonesion in Malaya...* hlm. 16.

⁶⁹ Mochtar Naim, *Merantau Causes And Effect of Minangkabau Voluntary Migration*, Institute of Southeast Asia Studies, Singapore, 1971, hlm. 1.

Secara umumnya hasrat untuk mengembara dan meninggalkan kampung halaman untuk memulakan penghidupan baru dan seterusnya kembali semula ke tempat asal dinamakan pergi merantau. Orang yang merantau itu dikenali sebagai perantau.⁷⁰

Tempat-tempat lain yang menjadi tumpuan perantau Minangkabau di Tanah Melayu ialah Klang, Melaka, Kedah, Johor, dan Perak. Masyarakat Minangkabau yang tinggal di Bukit Tinggi, Pariaman dan Batang Kapas menggunakan Klang sebagai pintu masuk ke Tanah Melayu. Ada juga yang merantau melalui Teluk Intan, Melaka dan Singapura.⁷¹

Mereka juga mempunyai saudara mara yang menetap di Ampangan.⁷² Orang Minangkabau menggalakkan anak-anak mereka pergi merantau dan mencari pekerjaan pada umur 6 tahun lagi dengan cara tidur di surau-surau bersama rakan-rakan⁷³. Seperti yang diceritakan oleh Puan Linda adik beradik lelaki telah mula tidur di dalam surau pada usia 8 tahun.

Selain daripada itu orang-orang Minangkabau pergi merantau adalah kerana faktor tolakan adat dan ini mempunyai hubungan dengan kedudukan ekonomi. Sebagai contohnya apabila terjadinya perselisihan dalam pembahagian harta sepencarian yang tidak sama rata boleh menyebabkan seseorang individu itu pergi merantau.⁷⁴

⁷⁰ Ibid.

⁷¹ Ibid., hlm. 2.

⁷² Temubual dengan Puan Linda isteri kepada Encik Suhaidi pada 15 September 2002.

⁷³ Nordin Selat, *Sistem Sosial Adat Perpatih*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1976, hlm. 99.

⁷⁴ Ibid., hlm. 102.

Faktor psikologi pula menurut Mochtar Naim, lelaki yang pergi merantau hanya menyediakan bekalan wang tanpa ada sekatan dari orang lain.⁷⁵ Ketidak sefahaman antara menantu dan mertua juga menyebabkan berlakunya proses merantau. Contohnya menantu yang mempunyai pendapatan yang rendah sering disindir oleh mertua mengenai kedudukannya.⁷⁶

Dalam aspek ekonomi pula aktiviti yang dijalankan oleh masyarakat Minangkabau adalah sebagai peniaga iaitu dengan membuka kedai makan, buku, kedai buah, tukang jahit dan pembuat songkok.⁷⁷

Selain daripada itu orang-orang Minangkabau juga merantau kerana bidang pertanian tidak mendatangkan hasil yang lumayan. Di daerah Bukit Tinggi seramai 80 peratus daripada penduduknya adalah petani.⁷⁸ Mereka menggunakan alat-alat tradisonal yang kurang efektif dan pengeluaran yang minimum sahaja. Oleh kerana keadaan hidup yang tidak seimbang maka ramai diantara mereka yang menganggur.

Walaupun tanah di Sumatera Barat subur dan mendapat jumlah air hujan yang banyak, pertanian secara intensif tidak diusahakan dengan jayanya. Anak padi tidak ditanam mengikut jarak yang betul dan tidak di tanam mengikut musim yang betul.⁷⁹

⁷⁵ Mochtar Naim, *Merantau Causes and Effects of Minangkabau...* hlm. 17

⁷⁶ Ibid.

⁷⁷ Dewan Masyarakat, *Orang-orang Minangkabau di Kuala Lumpur*, 1975, hlm. 13.

⁷⁸ Ibid., hlm. 14.

⁷⁹ Tsuyoshi Kato, *Nasab Ibu dan Merantau...* hlm. 59.

Keadaan ini adalah disebabkan untuk mengerjakan tanah seseorang lelaki Minangkabau mestilah mendapat persetujuan daripada waris-waris tanah ini ataupun kumpulan zuriat. Ini menyukarkan mereka untuk mengusahakan tanah pertanian apabila di dalam satu geran tanah itu mempunyai ramai pemiliknya.⁸⁰

Ini adalah kerana 7.4 peratus tanah yang digunakan di daerah Bukit Tinggi adalah untuk pertanian dimana 6.8 peratus dimiliki oleh pekebun kecil dan 0.6 peratus dimiliki oleh pengusaha ladang.⁸¹ Sikap orang Minangkabau yang lebih suka mengerjakan tanah sendiri juga menyebabkan berlakunya faktor merantau.⁸²

Sungguhpun pertanian dapat dapat menampung hidup penduduk kampung yang besar, namun pertanian di Sumatera Barat tidak berkembang luas sehingga boleh menampung hidup sebilangan besar penduduk bukan tani.⁸³

Dalam bidang politik pula, semasa pemerintahan Belanda, Sumatera Barat telah ditindas dan ini menyebabkan masyarakat Minangkabau lebih suka menjadi perantau.⁸⁴ Mereka mencari tempat yang sesuai untuk meneruskan kehidupan kerana kerajaan kolonial Belanda telah mengenakan cukai yang tinggi kepada masyarakat Minangkabau.

⁸⁰ Ibid.

⁸¹ Mochtar Naim, *Merantau Causes and Effects of Minangkabau*... hlm. 37.

⁸² Ahmad Kamil Abdullah, *Minangkabau dan Masyarakatnya*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1966, hlm. 44.

⁸³ Tsuyoshi Kato, *Nasab Ibu dan Merantau*... hlm. 59.

⁸⁴ Dahlan Mansoer... hlm. 67.

Kerajaan Belanda juga memerlukan wang yang banyak daripada rakyat Sumatera dengan mengenakan pajak dan cukai yang tinggi. Ini merupakan beban yang harus ditanggung oleh rakyat.⁸⁵ Antara jenis pajak yang dikenakan oleh Belanda terhadap masyarakat Minangkabau ialah pajak pasar iaitu barang-barang yang dibeli dipasar dikenakan pajak yang tinggi.⁸⁶

Ini menyebabkan mereka mencari tempat perlindungan iaitu di Tanah Melayu. Sementara itu di Tanah Melayu pemerintah British pula tidak mengenakan sebarang undang-undang mengenai imigran dari Sumatera.

2.7.2 Faktor Menarik

Keadaan di Selat Melaka membantu hubungan Tanah Melayu dan Sumatera. Infstruktur yang lengkap pada abad ke 20 menyebabkan orang-orang Minangkabau berhijrah ke Tanah Melayu iaitu satu-satunya negara yang mempunyai penduduk Melayu yang hampir sama dengan orang Minangkabau.⁸⁷

Selat Melaka memainkan peranan penting yang menarik ramai masyarakat Minangkabau berpindah ke negeri-negeri Melayu. Selain daripada itu pentadbiran British adalah lebih liberal jika dibandingkan dengan pemerintah Belanda. Kedatangan orang-orang Minangkabau di Tanah Melayu semakin ramai apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957.⁸⁸

⁸⁵ Ibid., hlm. 68.

⁸⁶ Sartono Kartodirjo..., hlm. 109.

⁸⁷ Mochtar Naim, *Merantau Causes And Effects of Minangkabau...* hlm. 14.

⁸⁸ R.O. Winstedt, *An Old Minangkabau Legal Digest From Perak*, dlm JMRAS Volume VII, 1955 hlm. 37.

Ada diantara pegawai British di Tanah Melayu mendesak agar sistem pentadbiran British akan dapat menarik lebih ramai imigran dari Sumatera ke Tanah Melayu⁸⁹ dan seterusnya dapat menyediakan tenaga kerja sama ada diladang atau di lombong-lombong.

Namun demikian kedatangan orang-orang Minangkabau adalah didorong oleh sanak saudara mereka yang telah lama bermastautin di Tanah Melayu. Ini kerana mereka inginkan pembantu untuk meneruskan perniagaan mereka seperti menjual kuih, ataupun membuat songkok.⁹⁰

Pada kebiasaannya saudara mara mereka mempunyai modal dan membuka kedai untuk berniaga sendiri dan mereka memerlukan pembantu untuk menguruskan jualan mereka. Oleh itu ramai diantara kelompok Minangkabau yang menjemput saudara mara mereka dari Sumatera tinggal bersama sambil bekerja.⁹¹

Pada abad ke 20 apabila Tanah Melayu mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat dalam bidang perusahaan. Keadaan ini membuatkan ramai diantara orang Minangkabau yang membuka petempatan baru di Tanah Melayu dan menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan.

Di Tanah Melayu pula orang-orang Melayu dapat menerima pendatang Minangkabau kerana cara hidup dan budaya mereka yang sama. Menurut Banci 1930 pendatang Minangkabau diklasifikasikan sebagai orang Melayu.

⁸⁹ Federation Malaya State, *Annual Report of the Labour Department 1912-1940*, The Government Printer, Kuala Lumpur, 1941, hlm.7.

⁹⁰ Tunku Shamsul Bahrin, *The Indonesian in Malaya...* hlm. 77.

⁹¹ Mochtar Naim, *Pola Migrasi Suku Minangkabau...* hlm. 86.

Pada tahun 1931, mereka dikatakan orang Melayu berketurunan Indonesia. Ini membolehkan kerajaan British menentukan jumlah tepat penduduk bumiputra di Tanah Melayu.⁹² Selain daripada itu orang-orang Minangkabau yang sudah mempunyai kedudukan ekonomi yang kukuh di Tanah Melayu akan disambut meriah oleh sanak saudara mereka dari perantauan apabila mereka kembali ke kampung halaman.⁹³

JADUAL 2.3 MERANTAU

Pola Pergi Merantau	Peratus
Secara bersendirian	72
Dengan keluarga	23
Mengikut orang tua	3
Mengikut orang lain	2
Jumlah	100 %

Sumber : Mochtar Naim Merantau Pola Migrasi Minangkabau

Menurut Mochtar Naim mereka yang pergi merantau selalunya dengan diri sendiri tanpa ada pergantungan dari mana-mana pihak. Ini dapat ditunjukkan pada jadual 2.3.⁹⁴

⁹² Tunku Sahmsul Bahrin, *The Indonesian in Malaya*. ... Hlm. 89.

⁹³ Mochtar Naim, *Pola Migrasi Suku Minangkabau*. ... Hlm. 88.

⁹⁴ Ibid., hlm. 180.

Cara dan proses penghijrahan kelompok Minangkabau di Ampangan ialah melalui saudara-mara mereka yang telah lama menetap di kawasan ini sejak tahun 1960 an lagi. Apabila kelompok awal ini datang ke Seremban mereka menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan iaitu dengan menjahit baju, menjual kitab atau buku agama dan menjual buah-buahan di sekitar Ampangan.⁹⁵

Modal yang didapati untuk menjalankan perniagaan ini adalah dengan meminjam dari saudara-mara yang terdekat dan setelah perniagaan berjalan dengan lancar dan mendapat sedikit keuntungan barulah pinjaman ini dijelaskan secara beransur. Penulis akan membincangkan kehidupan kelompok Minangkabau ini pada bab ketiga.

⁹⁵ Temubual dengan Encik Suhaidi bin Yuhani pada 2 Ogos, 2002.

RUJUKAN

BUKU

- Abdullah Taufik. 1972. *Adat and Islam An Examination of Confilct in Minangkabau*. Indonesia: Bharata.
- Ahmad Kamil Abdullah. 1966. *Minangkabau dan Masyarakatnya*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Andaya, Barbara dan Leonard. 1982. *A History of Malaya*. London: The Macmillan Press.
- Azmah Abd. Manaf. 2001. *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Bacthiar Mansoer. 1958. *Minangkabau Dahulu dan Sekarang*. Jakarta: Penerbitan Bhratara Djakarta.
- Buyung Adil. 1982. *Sejarah Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Datuk Batuah. 1956. *Tambo Minangkabau dan Adatnya*. Jakarta: Balai Pustaka.
- David Radcliffe. 1969. *The Peopling of Ulu Langat*. Indonesia: Bhratara Djakarta.
- Del Tuto Malaya. 1949. *A Report on the 1947 Consus of Population*. The Government Printer.
- Donald Tugby. 1977. *Cultural Changes and Identity : Mandailing immigrants in West Malaysia*. Quennsland : University of Quennsland.
- Edwin M. Loeb. 1972 . *It's History and People*. Kuala Lumpur : Oxford Oxford University.
- F.J. Moorhed. 1963. *A History of Malaya*. Malaya : Longmens of Malaya.
- Josselin de Jong. 1951. *Minangkabau dan Negeri Sembilan*. Jakarta: Bhratara Djakarta.

- Josselin de Jong 1952. *Minangkabau and Negeri Sembilan. Social Political Structure in Indonesia*. The Hague: Martinus Nijhoff.
- Khazin Mohd Thamrin. 1987. *Orang Jawa di Selangor: Penghijrahan Dan Penempatan 1880-1940*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- M.B. Hooker. 1970. *Reading in Malay Adat Law's*. Singapore: University of Singapore Press.
- Mochtar Naim. 1971. *Merantau Causes and Effects of Minangkabau Voluntary Migration*. Singapore: Eastern Universities Press Ltd.
- Mochtar Naim. 1979. *Pola Migrasi Suku Minangkabau*. Indonesia : Gadjah Mada University Press.
- M.G. Swift. 1965. *Malay Peasant Society in Jelebu*. London : London School of Economic.
- Nordin Selat. 1976. *Sistem Sosial Adat Perpatih*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Norhalim Hj. Ibrahim. 1995. *Negeri yang Sembilan*. Selangor : Penerbitan Fajar Bakti.
- R. Hughes. 1965. *The People of Malaya*. Singapore : Singapore Institute of Southeast Asia Studies.
- Rasyid Manggis, Dato Raja Panghoeloe 1970. *Negeri: Hubungan Dengan Minangkabau*. Padang: al Maktab Al Sakdiah.
- R.O. Winstedt. 1955. *The History, Polity and Beliefs of the Nine States*. Johor: General Adviser
- Tan Ding. 1975. *Sejarah Malaysia dan Singapura*. Selangor : Petaling Jaya.
- Tsuyoshi Kato. 1989. *Nasab Ibu dan Merantau*. Kuala Lumpur :Dewan Bahasa dan Pustaka.

BAB DALAM BUKU

Zainal Kling. 1982. Sejarah Adat Perpatih Wilayah Naning, Melaka. Dlm. Khoo Kay Kim (pnyt.) *Sejarah Tanah Melayu*. Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah.

MAKALAH DALAM MAJALAH

Mohd Aris Hj. Othman. 1984. Kedatangan Kelompok Entik Indonesia ke Tanah Melayu dan penyesuaian mereka ke dalam masyarakat dan budaya Melayu. *Sari*. Julai ; 83-95.

Mohd Yusof Md.Nor. 1984. Perlambangan dalam Adat Perpatih. Satu Pandangan Umum. *Sari*. Julai: 131-138.

TESIS

Azali bin Hj. Kader. 2002. Sejarah Penghijrahan dan Petempatan Orang Bangkahulu di Sungai. Selisek. Hulu Langat. Selangor. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rozeman bin Abu Hassan. 1997. Masyarakat Suku Snak Aceh di Kuala Pilah. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Shahidan bin Moktar. 1974. Kata-kata Perbilangan dalam Adat Perpatih: Satu Analisa. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Vijaya Letchumy a/p Subramaniam. 1988. Sistem Keluarga Masyarakat Adat Perpatih. Satu Kajian Kes di Rembau Negeri Sembilan. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zainal Kling. 1969. Sistem Kekeluargaan di Melaka Utara. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.

LAMPIRAN 1

Soalan temubual dengan responden

1. Sudah berapa lama tuan menetap di kawasan Ampangan ini?
2. Dimanakah tuan tinggal sebelum tuan menyewa/membeli rumah di kawasan ini?
3. Sebelum memulakan perniagaan sekarang, apakah jenis perniagaan yang telah tuan lakukan untuk meneruskan kehidupan?
4. Berapa orang yang membantu tuan semasa proses kedatangan tuan ke sini?
5. Berapa lama tuan mengambil masa untuk mengumpulkan sejumlah wang bagi memulakan perniagaan barang permainan kanak-kanak/buah-buahan,/kedai makan?
6. Apakah cabaran yang tuan hadapi semasa memulakan perniagaan?
7. Setelah tuan agak berjaya dalam menguruskan perniagaan ini bilakah tuan menjemput ahli keluarga tuan untuk bermastautin di sini?
8. Bagaimanakah tuan dapat menyesuaikan diri dengan keadaan penduduk di kawasan ini?
9. Sebelum memulakan bidang perniagaan apakah pekerjaan sampingan yang telah tuan lakukan?
10. Berapa lamakah tuan mengambil masa untuk maju dalam bidang perniagaan ini dan seterusnya dapat membina kehidupan yang lebih baik berbanding semasa awal kedatangan tuan ke sini?
11. Berapakah bilangan ahli keluarga tuan?
12. Dimanakah anak-anak tuan bersekolah?
13. Berapakah jumlah pendapatan yang telah tuan perolehi hasil daripada perniagaan yang telah tuan lakukan?
14. Berapa kali tuan balik ke kampung halaman tuan di Minangkabau?
15. Selain daripada berniaga apakah sumber pendapatan lain yang tuan perolehi untuk menampung kehidupan disini?

16. Adakah ahli keluarga dan juga isteri membantu tuan dalam meningkatkan pendapatan sekeluarga?
17. Bagaimana tuan memperoleh taraf penduduk tetap di sini dan bagaimana proses ini berjalan?
18. Dimanakah anak-anak tuan dilahirkan?
19. Adakah mereka mendapat taraf kerakyatan disini?
20. Adakah penghidupan disini lebih selesa berbanding dari tempat asal?
21. Bagaimana dengan pembelajaran anak-anak tuan di sekolah?
22. Adakah mereka mendapat pinjaman buku teks?
23. Berapakah jumlah yuran yang perlu dibayar untuk menampung pembelajaran anak tuan di sekolah?
24. Adakah anak tuan mempunyai masalah pembelajaran atau mereka merupakan golongan yang agak pintar?
25. Seandainya anak tuan berjaya dalam pelajaran adakah tuan ingin mereka menjawat jawatan penting disini atau meneruskan perniagaan yang telah tuan usahakan selama ini?
26. Bagaimana caranya tuan membeli kenderaan lori/van/kereta untuk kemudahan tuan berniaga?
27. Adakah saudara mara tuan berkunjung ke sini?
28. Dimanakah tuan menyimpan wang hasil daripada keuntungan dalam perniagaan tuan selama ini?
29. Semasa musim perayaan adakah tuan menyambutnya dengan keluarga ataupun bersama kelompok Minangkabau yang lain?
30. Tuan pernah bercuti bersama keluarga dan dimana?
31. Apabila tuan pulang ke kampung asal berapakah perbelanjaan yang telah tuan gunakan?
32. Bagaimana dengan sambutan sanak-saudara di kampung asal tuan?
33. Apakah visi atau harapan tuan pada masa akan datang ?
34. Tuan gembira tinggal di sini?
35. Bagaimana dengan adik beradik yang lain adakah mereka juga merantau seperti tuan?

LAMPIRAN 2

Senarai Nama Responden



Nama	: Suhaidi bin Yuhanis	Linda bt. Bahrin
Tarikh Lahir	: 21.8. 1959	30. 9. 1967
Tempat Lahir	: Padang	Padang
Pekerjaan	: Penjual barang permainan	menjual kuih
Alamat	: No. 117, Tmn. Dato' Shahbandar	Tmn. Dato' Shahbandar
Tarikh temubual	: 5 September, 2002	5 September, 2002

LAMPIRAN 3




Nama	: Masdor b. Sabil
Tarikh lahir	: 17.6.1954
Tempat lahir	: Solok, Sumatera
Pekerjaan	: Menjual Buah
Alamat	: No. 99, Tmn. Dato' Shahbandar
Tarikh temubual	: 3 September, 2002

LAMPIRAN 4



Nama : Hadri b. Suboh
Tarikh lahir : 16.6.1954
Tempat lahir : Painan, Sumatera
Pekerjaan : Penjual Buah
Alamat : No. 103, Tmn. Dato' Shahbandar
Tarikh temubual : 4 September, 2002

LAMPIRAN 5



Nama : Rosman b. Idil
Tarikh lahir : 30.10.1963
Tempat lahir : Padang, Sumatera
Pekerjaan : Penjual buah
Alamat : No. 125, Tmn. Dato' Shahbandar
Tarikh temubual : 4 September, 2002

LAMPIRAN 6

Nama : Hj. Shamsudin b. Hj. Kassim
 Tarikh lahir : 24.5.1941
 Tempat lahir : Kg. Padang, Kota.
 Pekerjaan : Pesara
 Alamat : No.102, Tmn. Dato. Shahbandar
 Tarikh temubual : 12 Januari, 2003

Nama : Hjh. Jamilah bt. Hj. Sharif
 Tarikh lahir : 20.2. 1947
 Tempat lahir : Kg. Air Melintang, Kota
 Pekerjaan : Surirumah
 Alamat : No. 156, Tmn. Dato' Shahbandar
 Tarikh temubual : 2 Oktober, 2002

Nama : Emmy Suhana bt. Suhaidi
 Tarikh lahir : 28. Oktober, 1993
 Tempat lahir : Seremban
 Pekerjaan : Pelajar tahun 4
 Alamat : No. 117, Tmn. Dato' Shahbandar
 Tarikh temubual : 21 November, 2002

Nama : Roslan b. Ibrahim
 Tarikh lahir : 2.1. 1959
 Tempat lahir : Yan, Kedah
 Pekerjaan : Pesara
 Alamat : No. 115, Tmn. Dato' Shahbandar
 Tarikh temubual : 12 November, 2002

Nama : Hj. Kamaruddin (Pak Din)
 Tarikh lahir : 15. September, 1941
 Tempat lahir : Seremban
 Pekerjaan : Pesara
 Alamat : No. 198, Tmn. Dato' Shahbandar
 Tarikh temubual : 12 Januari, 2003